

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

SOALAN :

Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap kemiskinan negara iaitu miskin dan miskin tegar menunjukkan penurunan pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya dan nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan penurunan tersebut (jika ada).

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik mengenai anggaran insiden kemiskinan dijana dengan menggunakan pakai maklumat pendapatan daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Penyiasatan ini dijalankan dua kali bagi setiap tempoh lima tahun. Maklumat pendapatan terkini adalah berdasarkan kepada HIS 2014. Oleh yang demikian, penilaian mengenai tahap kemiskinan negara pada tahun 2015 berbanding sebelumnya tidak dapat dibuat memandangkan maklumat seterusnya mengenai pendapatan akan dikeluarkan oleh DOSM melalui HIS 2016/2017 yang sedang dilaksanakan.

Statistik insiden kemiskinan mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri pada 2014 berbanding dengan tahun 2012 adalah seperti berikut:

	Peratus Isi Rumah Miskin (%)	
	2014	2012
Malaysia	0.6	1.7
Etnik		
Bumiputera	0.8	2.2
Cina	0.1	0.3
India	0.6	1.8
Lain-lain	0.9	1.5
Strata		
Bandar	0.3	1.0
Luar Bandar	1.6	3.4
Negeri		

	Peratus Isi Rumah Miskin (%)	
Johor	0.0	0.9
Kedah	0.3	1.7
Kelantan	0.9	2.7
Melaka	0.1	0.1
Negeri Sembilan	0.4	0.5
Pahang	0.7	1.3
Pulau Pinang	0.3	0.6
Perak	0.7	1.5
Perlis	0.2	1.9
Selangor	0.2	0.4
Terengganu	0.6	1.7
Sabah	4.0	8.1
Sarawak	0.9	2.4
W.P. Kuala Lumpur	0.1	0.8
W.P. Labuan	1.1	1.1
W.P. Putrajaya	0.0	0.0

Nota: 0.0 – merujuk kepada nilai yang terlalu kecil, iaitu kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan.

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014.

Antara faktor utama yang menyebabkan penurunan insiden kemiskinan adalah pengurusan ekonomi makro yang baik yang membolehkan ekonomi negara terus berkembang pada kadar 6.0% pada tahun 2014 dan 5.0% pada tahun 2015. Ini membolehkan peningkatan peluang perniagaan dan pekerjaan yang lebih baik untuk rakyat atau isi rumah.

Antara program Kerajaan yang menyumbang kepada penurunan insiden kemiskinan ini adalah:

1. Program peningkatan kapasiti kepada ahli isi rumah, khususnya melalui pendidikan dan latihan bagi meningkatkan kelayakan dan kemahiran. Kerajaan juga melaksanakan program-program keusahawanan melalui pembiayaan dan program sokongan perniagaan mikro serta perniagaan

kecil dan sederhana. Di samping itu, bagi golongan pekerja, Kerajaan melaksanakan dasar gaji minimum berdasarkan keperluan bagi menjamin tahap kualiti hidup;

2. Program peningkatan pendapatan secara bersepadu seperti agropolitan dan peladangan kontrak. Program ini merangkumi pembangunan ladang berpusat serta kawasan penempatan semula, lengkap dengan pelbagai kemudahan asas dan kemudahan awam;
3. Program khas bagi kumpulan sasar khusus seperti masyarakat Orang Asli dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak, penduduk di kampung baru Cina serta pekerja-pekerja estet;
4. Kerajaan juga meneruskan pelbagai skim dan inisiatif bagi rakyat menceburi aktiviti perniagaan dan keusahawanan yang akan memberi pulangan pendapatan yang lebih tinggi melalui kemudahan pembiayaan kewangan. Ianya disediakan melalui pelbagai institusi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN); dan
5. Kerajaan juga turut melaksanakan pelbagai program lain seperti program bantuan rumah, saham amanah, program pendidikan dan latihan termasuk dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) bagi membolehkan anak-anak golongan ini hadir dan belajar di sekolah dan serta peningkatan akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (162)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian ke atas tapak pelupusan sampah Sibuti yang bernilai RM24 juta gagal berfungsi dan mengakibatkan pencemaran air dan udara yang serius ke atas penduduk setempat di kawasan tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU,JPM) telah meluluskan peruntukan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melaksanakan projek menaik taraf tapak pelupusan di Sibuti, Miri, Sarawak. Tujuan projek ini dilaksanakan adalah untuk membantu

Kerajaan Negeri Sarawak menyediakan tapak pelupusan sanitari bagi meminimakan risiko terhadap alam sekitar dan kesihatan.

Sijil Perakuan Siap bagi projek telah dikeluarkan pada 4 November 2014. Kementerian melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah menyerahkan keseluruhan tapak tersebut kepada Majlis Bandaraya Miri (MCC) untuk dioperasi pada 29 Disember 2014. Walau bagaimanapun, pihak MCC enggan membuat penerimaan rasmi dan mengoperasi fasiliti yang diserahkan dengan membangkitkan isu-isu peringkat pelaksanaan projek seperti berikut:

i. **Kelulusan Kebenaran Merancang;**

Berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Kementerian telah membuat rundingan pengecualian Kebenaran Merancang untuk tapak Sibuti memandangkan ianya adalah tapak naik taraf. Namun demikian, disebabkan *Ordinan State Planning Authority* (SPA) adalah terpakai di Negeri Sarawak, maka pengecualian tidak dapat diberikan.

Pihak perunding dalam proses mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan daripada *State Planning Authority* (SPA) dan juga telah mengemukakan lukisan tersebut kepada Majlis Daerah Subis dan Majlis Daerah Miri pada 11 Mac 2016 kepada Jabatan Bomba pada 21 Mac 2016.

ii. Kerja Pembaikan Kecacatan; dan

Semasa lawatan pemeriksaan dibuat pada 16 Mac 2016, semua pihak bersetuju bahawa terdapat sembilan (9) baki kecacatan yang perlu diperbaiki oleh pihak kontraktor.

Pemeriksaan terakhir telah diadakan pada 28 Mac 2016 dan mendapati 6 baki kecacatan telah disempurnakan dan tiga (3) baki kecacatan tidak dibuat kerana ianya adalah kecacatan berulang yang berpunca daripada LTP yang tidak dioperasi.

iii. Sesi Pengujian dan Pentauliahan (T&C).

Kontraktor telah melaksanakan sesi Pengujian dan Pentauliahan (T&C) pada 8 dan 9 April 2014 dan mendapati kesemua peralatan di LTP berfungsi dengan baik. Namun demikian, keputusan bacaan *effluent* tidak memenuhi piawaian ditetapkan. Sehubungan dengan itu, T&C ulangan telah dilaksanakan sebanyak 3 kali iaitu pada 14 - 15 Mei 2014, 3 Julai 2014 dan 13 Ogos 2014 sehingga ianya memenuhi kehendak piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Oleh yang demikian, Kementerian telah mengadakan satu mesyuarat penyelarasan 22 April 2016 bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh MCC berkaitan penyerahan projek tersebut. Hasil daripada mesyuarat tersebut telah diputuskan beberapa perkara iaitu:

- i. Pihak MCC dikehendaki membuat penerimaan LTP secara rasmi dalam tempoh satu (1) minggu serta membuat pelantikan operator dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh mesyuarat ini diadakan;
- ii. Kementerian tidak akan membuat ulangan T&C memandangkan T&C telah pun dilaksanakan dan telah disahkan memenuhi kehendak piawaian yang ditetapkan oleh JAS . Namun demikian, Kementerian akan membantu MCC sekiranya perlu bagi menjalankan T&C terhadap *effluent* setelah operator bagi LTP tersebut dilantik;
- iii. Pihak kontraktor dikehendaki mengemukakan baki dokumen berkaitan dengan tender pelantikan operator iaitu *Operation and Manual* bagi LTP dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) akan mengemukakan *as-built drawing* yang telah disemak kepada MCC dalam tempoh 1 minggu iaitu selewat-lewatnya pada 29 April 2016; dan
- iv. Pihak Perunding akan mengemukakan semula draf dokumen tender operasi kepada MCC dalam tempoh 1 minggu iaitu selewat-lewatnya pada 29 April 2016.

SOALAN (163)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status Projek 500 buah Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Rait Lambir yang diumumkan pada 2012 oleh YAB. Perdana Menteri yang telah siap dan kini masih belum lagi dibuka untuk dijual kepada pemohon.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Rait, Lambir, Miri telahpun siap sepenuhnya. Projek ini merangkumi 500 unit rumah teres setingkat yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam seperti dewan serbaguna, surau, padang permainan dan pasar awam.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama-sama dengan pihak Kementerian Perumahan Sarawak sedang membuat penyelarasan bagi tujuan penyerahan projek ini kepada pihak Kerajaan Negeri sebelum dibuka untuk dijual kepada golongan setinggan serta berpendapatan rendah yang layak. KPKT menjangkakan bahawa urusan penjualan rumah ini dapat dimulakan pada bulan Jun 2016.

Kementerian berharap agar dengan adanya projek ini dapat memberi peluang kepada penduduk di kawasan Ahli Yang Berhormat untuk memiliki rumah sendiri.